



Bank Pilihan Anda

SIARAN MEDIA

BANK RAKYAT SANTUNI PELAJAR B40, SALUR RM147,000 MELALUI INISIATIF KEMBALI KE SEKOLAH

SUBANG JAYA, 9 JANUARI 2026 – Seramai **1,470** pelajar daripada golongan berpendapatan rendah (B40) yang bakal memulakan sesi persekolahan bagi tahun 2026, menerima sumbangan baucar barangan kelengkapan sekolah bernilai keseluruhan **RM147,000** sumbangan **Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat**.

Sejak tahun 2022 hingga tahun ini, Bank Rakyat yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menyalurkan sumbangan *Back to School* bernilai lebih **RM1.3 juta** secara keseluruhan kepada lebih **12,000** orang pelajar yang memerlukan daripada pelbagai bangsa dan agama di seluruh negara.

Menerusi kerjasama dengan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), pelajar sekolah kebangsaan dan menengah yang terpilih daripada **14 buah sekolah** di seluruh negara berpeluang untuk mendapatkan barangan kelengkapan sekolah di pasar raya berkenaan.

Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Bank Rakyat, Nizam Sani berkata, “Inisiatif ini yang bertepatan dengan aspirasi Bank Rakyat untuk memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat merentasi pelbagai peringkat usia dan latar belakang, merupakan manifestasi komitmen berterusan Bank Rakyat dalam menyokong aspirasi Kerajaan bagi memperkasa komuniti serta mendukung agenda pembangunan sosial yang mampan, khususnya dalam bidang pendidikan.”

“Inisiatif ini juga selari dengan nilai kesejahteraan dalam konsep Malaysia MADANI yang mementingkan pendidikan untuk melahirkan individu yang bertanggungjawab serta mampu menyumbang semula kepada pertumbuhan sosioekonomi negara,” ujar beliau semasa **Majlis Penyerahan Inisiatif Jangkauan Komuniti Madani: Kembali ke Sekolah 2026** yang diadakan di Mydin Subang Jaya.



Antara sekolah yang menerima sumbangan termasuk **Sekolah Kebangsaan La Salle 1 Jinjang, Kuala Lumpur, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pay Yap, Melaka, Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Port Dickson, Negeri Sembilan, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Limbang, Sarawak serta Sekolah Kebangsaan Kimanis, Papar, Sabah.** Sekolah yang terpilih ini turut merangkumi **Sekolah Angkat MADANI**, iaitu inisiatif strategik Kerajaan yang memberi tumpuan kepada pembangunan sosial dan ekonomi di peringkat sekolah.

“Bank Rakyat pada setiap tahun komited melaksanakan inisiatif bantuan pendidikan sebagai pelaburan jangka panjang bagi meringankan beban keluarga serta memperluas peluang akademik, sekali gus memberi manfaat kepada individu, masyarakat dan negara.”

“Kami berharap agar sumbangan yang disalurkan ini dapat memberi manfaat kepada anak-anak ini dan seterusnya meringankan beban ibu bapa dan keluarga dalam menghadapi kekangan kewangan yang dihadapi,” ujar Nizam.

Melangkah ke hadapan, beliau berkata pelbagai inisiatif Jangkauan Komuniti sedang direncanakan untuk memberi lebih banyak manfaat kepada golongan yang memerlukan.

“Pelbagai inisiatif ini mencerminkan kesungguhan Bank Rakyat bukan sekadar sebagai institusi kewangan yang mementingkan keuntungan semata-mata, tetapi juga sebagai pemain utama dalam membantu membina masa depan yang lebih cerah untuk generasi muda,” tambahnya.

-TAMAT-